



APPGM-SDG



PERSATUAN PROMOSI
MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI
PPM-023-14-07012020

Laporan Cadangan Dasar
Peringkat Parlimen APPGM-SDG Tahun 2026

DARI EKOSISTEM PANTAI KE PENUAIAN: MEMPERKUKUH KETERJAMINAN MAKANAN DAN KEDAULATAN NEGARA MELALUI PENGURUSAN MAMPAN EKOSISTEM PANTAI DAN MARIN



**Laporan Cadangan Dasar
Peringkat Parlimen APPGM-SDG Tahun 2026**

**Dari Ekosistem Pantai ke
Penuaian: Memperkukuh
Keterjaminan Makanan dan
Kedaulatan Negara Melalui
Pengurusan Mampan
Ekosistem Pantai dan Marin**

Jabatan Advokasi Dasar APPGM-SDG

Diterbitkan oleh:

Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari

A-1-10, Block A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1, Seksyen 8,
46050 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.

© 2026 Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari

Hak Cipta Terpelihara. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, diedarkan, atau dihantar dalam apa jua bentuk atau dengan apa jua cara, termasuk fotokopi, rakaman, atau kaedah elektronik atau mekanikal yang lain, tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada penerbit, kecuali bagi petikan ringkas yang terkandung dalam ulasan kritikal dan kegunaan bukan komersial tertentu yang lain yang dibenarkan oleh undang-undang hak cipta.

Penafian: Pandangan dan pendapat yang dinyatakan dalam penerbitan ini adalah milik pengarang dan tidak semestinya mencerminkan dasar atau pendirian rasmi pihak penerbit.



Penulis Bersama : Jasmin binti Mohd Saad & Julian Hyde

Editor : Dr. Teo Sue Ann

Senarai Kehadiran

AHLI PARLIMEN		
Bil.	Nama	Kawasan Parlimen
1	YB Senator Tuan Isaiah D.Jacob	Ahli Dewan Negara
2	YB Tuan Haji Muhammad Islahuddin Abas	P154 Mersing
3	YB Tuan Sim Tze Tzin	P052 Bayan Baru
4	YB Dato' Hajah Siti Zailah Mohd Yusoff	P023 Rantau Panjang
5	YB Tuan Rushdan Rusmi	P001 Padang Besar
6	YB Dr Hajah Halimah Ali	P109 Kapar
7	YB Dato' Hajah Mumtaz Md Nawī	P019 Tumpat
8	YB Tuan Haji Muhammad Fawwaz Mohamad Jan	P044 Permatang Pauh
9	YB Dr. Ahmad Fakhruddin Fakhrurazi	P010 Kuala Kedah
10	YB Tuan Haji Onn Abu Bakar	P150 - Batu Pahat
11	YB Dato' Hajah Hanifah Hajar Taib	P213 Mukah

KEMENTERIAN/JABATAN	
Bil.	Nama
1	Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) <ul style="list-style-type: none"> • Bahagian Sumber Manusia • Jabatan Pertanian (DOA) • Jabatan Perikanan (DOF) • Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) • Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)
2	Kementerian Pengangkutan (MOT)
3	Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW)

KEMENTERIAN/JABATAN	
Bil.	Nama
4	Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA)
5	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)

MALAYSIAN CSO-SDG ALLIANCE DAN LAIN-LAIN	
Bil.	Nama
1	Universiti Malaya (UM)

Kolaborasi bersama:



Isi Kandungan

Ringkasan Eksekutif	I
Sorotan Cadangan	IV
Infografik	VI
Pengenalan	1
Status Semasa Sektor Perikanan Kecil di Malaysia	4
Justifikasi Pelan Tindakan Kebangsaan untuk Perikanan Berskala Kecil (NPOA-SSF)	9
Ekosistem Marin Terancam: Implikasi terhadap Keterjaminan Makanan Masa Depan	11
Paya Bakau – Penjaga Persisiran Pantai	12
Rumput Laut – Padang Rumput Laut	22
Terumbu Karang – Pusat Tumpuan Biodiversiti	29
Kemajuan dan Potensi Memenuhi Matlamat SDG	39
Potensi perkembangan SDG melalui Belanjawan 2026	41
Potensi Perkembangan SDG melalui Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK-13)	43
Langkah Seterusnya	46
Cadangan Pembangunan Pelan Tindakan Kebangsaan bagi Perikanan Skala Kecil (NPOA-SSF)	47
Keterjaminan Makanan melalui Pelaksanaan Dasar Kepelbagaian Biologi Negara	50
Bibliografi	54

Ringkasan Eksekutif

Ekosistem pantai dan marin Malaysia – termasuk paya bakau, padang rumput laut, dan terumbu karang – merupakan “infrastruktur biologi” utama yang menyokong keterjaminan makanan negara. Habitat ini merupakan enjin produktif bagi sektor perikanan skala kecil (*small-scale fisheries* – *SSF*), yang menyumbang kepada 67.5% daripada tangkapan marin negara dan menjadi sumber mata pencarian kepada lebih 140,000 nelayan. Di sebuah negara dimana pengambilan ikan per kapita tahunannya mencecah 58.5 kg, kestabilan ekosistem marin berkait secara langsung dengan kestabilan bekalan makanan negara.

Laporan Dasar ini mendapati bahawa masih terdapat kekurangan pengakuan dasar yang kukuh tentang hubungan intrinsik antara kesihatan ekosistem dengan keterjaminan makanan. Naratif dasar tradisional kerap menganggap “pemuliharaan alam sekitar” dan “pengeluaran makanan” sebagai dua kepentingan yang bersaing. Keadaan ini telah menyumbang kepada “jurang perlindungan”, iaitu apabila habitat yang berfungsi sebagai kawasan asuhan semula jadi bagi stok ikan komersial dan perlindungan pantai Malaysia tidak diambil kira dalam perancangan ekonomi negara.

Kekurangan pengiktirafan ini turut dicerminkan dalam landskap fiskal semasa. Belanjawan 2026 menunjukkan pengurangan sebanyak 49.9% dalam peruntukan langsung untuk SDG 14 (*Hidupan di Bawah Air*). Pengurangan fiskal ini mencerminkan andaian bahawa keterjaminan makanan

hanya boleh dicapai melalui subsidi pertanian semata-mata, tanpa mengekalkan ekosistem marin yang menyumbang kepada sebahagian besar sumber protein negara. Tanpa menangani ancaman sistemik yang menyumbang kepada kemerosotan habitat, pencemaran dan penggunaan pukut tunda haram, sebarang pelaburan dalam teknologi perikanan atau subsidi dijangka menghasilkan pulangan yang semakin berkurangan sekiranya asas biologi sumber perikanan tidak dipelihara.

Bagi menangani cabaran ini serta memanfaatkan pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK-13) dan Rang Undang-Undang Perikanan (Pindaan) 2025, Laporan Dasar ini menyokong peralihan daripada pendekatan perlindungan ekosistem yang pasif kepada tadbir urus yang lebih aktif dan inklusif.

Bagi merapatkan jurang tadbir urus sedia ada, Laporan Dasar ini menyokong strategi yang menggabungkan pengurusan ekosistem pesisir pantai dan pengurusan perikanan melalui **penubuhan Kumpulan Kerja Tematik (*Thematic Working Group - TWG*)** serta **pembangunan Pelan Tindakan Kebangsaan bagi Perikanan Skala Kecil (*The National Plan Of Action - Small-Scale Fisheries - NPOA-SSF*)**. TWG berfungsi sebagai platform bagi agensi-agensi dan pemegang taruh berkaitan untuk bekerjasama dengan Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES), manakala NPOA-SSF menyediakan rangka kerja strategik bagi menyokong pelaksanaan Rang Undang-Undang Perikanan (Pindaan) 2025 melalui model pengurusan bersama yang berasaskan hak asasi manusia. Melalui

pemformalan mekanisme ini, Malaysia berpotensi mencapai kedua-dua matlamat "Hidupan di Bawah Air" (SDG 14) dan "Sifar Kelaparan" (SDG 2). Pendekatan ini turut mengubah naratif bahawa biodiversiti marin bukan sekadar aset alam sekitar, tetapi juga aset regeneratif yang mampu menjamin keterjaminan makanan jangka panjang serta daya tahan sosioekonomi masyarakat pesisir pantai.

Sorotan Cadangan

Bagi mencapai keterjaminan makanan di Malaysia, usaha ini bergantung kepada pengurusan sektor perikanan yang lebih inklusif dan mengutamakan kesihatan biologi ekosistem marin. Untuk memastikan aspirasi "Ekonomi Biru" dalam RMK-13 memberikan manfaat kepada komuniti pantai, Laporan Dasar ini mengesyorkan dua (2) tindakan dasar yang saling berkaitan:

1. **Membangunkan Pelan Tindakan Kebangsaan untuk Perikanan Berskala Kecil (NPOA-SSF)**

Nelayan berskala kecil merupakan tulang belakang kepada bekalan protein domestik Malaysia, namun mereka sering beroperasi dalam kerangka dasar yang berbeza daripada perikanan laut dalam. NPOA-SSF yang berdedikasi dan sejajar dengan Garis Panduan Sukarela FAO diperlukan bagi menyediakan kesepaduan strategik untuk menyokong pelaksanaan Rang Undang-Undang Perikanan (Pindaan) 2025.

- *Objektif:* Menjamin mata pencarian yang mampan melalui pendekatan pengurusan sumber yang berasaskan hak asasi manusia.
- *Tindakan Utama:* Beralih ke arah model pengurusan bersama (*co-management*) dengan memperkasakan nelayan sebagai "penjaga barisan hadapan" kawasan perikanan tradisional mereka.

- *Hasil:* Meningkatkan daya tahan sosioekonomi, menstabilkan harga ikan domestik (SDG 2), serta memperkuat rangka kerja perundangan bagi membendung pencerobohan perikanan laut dalam ke zon pantai (SDG 14.b).

2. **Menubuhkan Kumpulan Kerja Tematik (TWG) Biodiversiti Marin yang Berdedikasi**

Rangka kerja institusi semasa di bawah Dasar Kebangsaan Kepelbagaian Biologi (*National Plan Biological Diversity - NPBD*) masih tidak mempunyai mekanisme penyelarasan yang khusus terhadap habitat marin dan pesisir pantai. Penubuhan TWG adalah penting bagi merapatkan jurang tadbir urus antara Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES), Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) serta agensi berkaitan.

- *Objektif:* Mengarusperdanakan kesihatan ekosistem marin dalam perancangan keterjaminan makanan dan pembangunan ekonomi negara.
- *Tindakan utama:* Mengenal pasti dan melindungi ekosistem marin yang kritikal daripada percanggahan penggunaan industri dan pencemaran.
- *Hasil:* Memperkukuh penyelarasan antara agensi serta mengiktiraf bahawa pencapaian matlamat "Hidupan di Bawah Air" (SDG 14) merupakan asas penting kepada pencapaian matlamat "Sifar Kelaparan" (SDG 2).

Dari Ekosistem Pantai ke Penuaian: Memperkukuh Keterjaminan Makanan dan Kedaulatan Negara Melalui Pengurusan Mampan Ekosistem Pantai dan Marin



KONTEKS

Keselamatan Makanan Memerlukan Ekosistem Marin Sihat



Bekalan perikanan skala kecil (membekalkan kira-kira 68% tangkapan marin Malaysia), **terancam** oleh kemerosotan ekosistem



Kadar pemakanan ikan di Malaysia adalah **antara yang tertinggi** di dunia (44.7kg/tahun)



Perikanan skala kecil/nelayan pantai **menyumbang RM11.4 bilion kepada KDNK** – menyokong 140,000 nelayan skala kecil

Perkhidmatan Ekosistem



Padang Rumput Laut
Habitat Kritikal Utama



Terumbu Karang
Tapak pembiakan ikan



Hutan Bakau
Nurseri (semaian) semulajadi



CABARAN UTAMA

Ancaman kepada Ekosistem Marin

Pemuliharaan/pengurusan marin kurang dibiayai dan kurang diberi keutamaan



Penangkapan ikan berlebihan, kehilangan habitat, perubahan iklim, dan pencemaran



Jurang Tadbir Urus



CADANGAN

Memastikan Sekuriti Makanan melalui Pemuliharaan Ekosistem Marin



Pembangunan Pelan Tindakan Nasional untuk Perikanan Skala Kecil (NPOA-SSF)



Penubuhan Kumpulan Kerja Tematik (TWG) bagi pemuliharaan ekosistem marin dan pengurusan sumber di bawah Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan

Dari Ekosistem Pantai ke Penuaian: Memperkuh Keterjaminan Makanan dan Kedaulatan Negara melalui Pengurusan Mampan Ekosistem Pantai dan Marin

PENGENALAN

Matlamat keterjaminan makanan negara Malaysia bergantung kepada tahap kesihatan ekosistem pesisir pantai dan marin, yang memerlukan pendekatan holistik dalam mengurus daya tahan pesisir pantai dan aktiviti perikanan pantai. Laporan Dasar ini mengetengahkan keperluan mendesak untuk menyokong dua komponen utama berkaitan sektor perikanan, iaitu **nelayan skala kecil** dan **habitat** tempat ikan membiak – khususnya paya bakau, padang rumput laut dan terumbu karang.

Dengan sumbangan lebih 67% daripada jumlah tangkapan marin komersial Malaysia serta menjadi sumber pendapatan kepada lebih 140,000 isi rumah nelayan, sektor perikanan berskala kecil (SFF) memainkan peranan penting dalam memenuhi keperluan makanan laut negara, dengan kadar pengambilan ikan per kapita sebanyak 58.5 kg, antara yang tertinggi di dunia. Walau bagaimanapun, ekosistem pantai yang berfungsi sebagai tapak pembiakan ikan semakin terdedah kepada kemerosotan habitat, pencemaran, dan tekanan perubahan iklim. Selain itu, satu lagi elemen kritikal yang menyumbang kepada penurunan bekalan ikan ialah amalan penangkapan ikan secara haram, tidak dilaporkan dan tidak dikawal (*illegal, unreported and unregulated - IUU*) oleh kapal nelayan tempatan dan asing.

Berdasarkan beberapa siri Perbincangan Kumpulan Fokus (*Focus Group Discussion - FGD*) yang diadakan oleh Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia mengenai Matlamat Pembangunan Mampan (APPGM-SDG) di seluruh negara, dapatan perbincangan tersebut mendedahkan kelemahan sistemik dalam industri perikanan berskala kecil, khususnya dari segi jurang penguatkuasaan, ketegaran pelesenan dan jaringan keselamatan sosial yang tidak mencukupi. Secara kolektif, pihak berkepentingan mengenal pasti pelbagai isu dan cadangan yang menunjukkan keperluan mendesak untuk mewujudkan satu rangka kerja tadbir urus yang bersepadu — khususnya Pelan Tindakan Kebangsaan bagi Perikanan Skala Kecil (NPOA-SSF) — bagi menjamin akses sumber yang saksama dan memperkukuh daya tahan masyarakat. NPOA-SSF ini juga selaras dengan mandat global Pertubuhan Makanan dan Pertanian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (FAO) yang mengiktiraf keperluan untuk menangani isu-isu kritikal ini serta melindungi "infrastruktur biologi" yang menyokong keterjaminan makanan negara.

"Infrastruktur biologi" ini memerlukan pemahaman dasar bahawa hubungan intrinsik antara keterjaminan makanan jangka panjang dan kesihatan ekosistem pantai adalah saling berkait, khususnya melalui kerjasama antara agensi persekutuan, agensi negeri, pakar dan komuniti.

Menangani isu-isu ini juga menyokong pencapaian objektif SDG, khususnya dalam mempercepat kemajuan ke arah SDG 2 (*Sifar Kelaparan*) dan SDG 14 (*Hidupan di Bawah Air*), yang turut diberi penekanan dalam Belanjawan 2026, RMK-13 dan dasar negara berkaitan. Walaupun Dasar Kebangsaan

Kepelbagaian Biologi (NPBD) dan Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (*National Agrofood Policy 2.0 – NAP 2.0*) melalui Pelan Tindakan Dasar Keterjaminan Makanan Negara 2021-2025 menyediakan hala tuju strategik, keberkesanan pelaksanaan dasar masih bergantung kepada komitmen politik dan pengagihan sumber yang saksama.

Walaupun bagaimanapun, Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2026 menunjukkan perenggahan yang ketara. Walaupun peruntukan bagi SDG 2 melalui agenda keterjaminan makanan inklusif meningkat sebanyak 7.1% (RM450 juta), daripada RM6.42 bilion pada 2025 kepada RM6.87 bilion untuk 2026, peruntukan SDG 14 (*Hidupan di Bawah Air*) pula menunjukkan pengurangan drastik sebanyak 49.9% (RM190 juta) berbanding tahun sebelumnya¹. Ketidakseimbangan kewangan ini mencerminkan kekurangan pemahaman terhadap hubungan antara keterjaminan makanan dan kesihatan ekosistem, sekali gus mengancam pencapaian sasaran kemampuhan di bawah SDG. Keadaan ini mendorong kepada keperluan untuk mewujudkan mekanisme pembiayaan yang lebih inovatif bagi menyokong pelaksanaan dasar sedia ada.

Walaupun Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK-13) menyokong pendekatan Ekonomi Biru yang mengimbangi pertumbuhan ekonomi dengan integriti ekologi serta mengiktiraf bahawa pengukuhan keterjaminan makanan memerlukan pemuliharaan dan pemeliharaan biodiversiti, corak

¹ Malaysia. Kementerian Kewangan. *Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2026: Merealisasi Ekonomi MADANI*. Putrajaya: Kementerian Kewangan, 2025.

perbelanjaan persekutuan semasa masih belum mencerminkan keutamaan tersebut.

Untuk merapatkan jurang antara aspirasi dasar (NPBD & NAP 2.0) dengan pelaksanaan, Laporan Dasar ini mencadangkan dua strategi: (1) pembangunan Pelan Tindakan Kebangsaan bagi Perikanan Skala Kecil (NPOA-SSF) yang komprehensif di bawah NAP 2.0; dan (2) penubuhan Kumpulan Kerja Tematik khusus mengenai Ekosistem Pantai dan Marin di bawah NPBD.

Mekanisme formal ini dicadangkan bagi memperkukuh ketelusan dan akauntabiliti, di samping membuka peluang kepada pembiayaan inovatif untuk menangani jurang pembiayaan, seperti geran impak pelaburan (*impact investment grants*) dan sumbangan ESG korporat. Dengan menetapkan sasaran pemuliharaan yang jelas, kerajaan boleh memanfaatkan platform ini untuk mendapatkan pembiayaan luar, sekali gus memastikan bahawa perlindungan ekosistem marin tidak bergantung semata-mata kepada peruntukan belanjawan tahunan yang berubah-ubah. Melalui pendekatan ini, mata pencarian masyarakat pesisir dapat diperkukuh, di samping menyediakan mekanisme tadbir urus yang lebih inklusif bagi menjamin keterjaminan makanan negara untuk generasi akan datang.

STATUS SEMASA SEKTOR PERIKANAN KECIL DI MALAYSIA

Ekosistem marin Malaysia berfungsi sebagai asas penting kepada keterjaminan makanan negara dan ekonomi tempatan, serta menyokong lebih 140,000 nelayan skala kecil

dan keluarga mereka². Pada tahun 2022, para nelayan skala kecil mendaratkan sebanyak 412,000,000 kg ikan, mewakili 67.5% daripada jumlah tangkapan marin negara³. Walau bagaimanapun, jurang ekonomi yang ketara masih wujud; meskipun sektor skala kecil mendominasi dari segi kuantiti tangkapan, ia hanya menjana pendapatan sebanyak RM2.6 bilion, berbanding RM3.4 bilion yang diperoleh sektor komersial, walaupun jumlah tangkapannya yang jauh lebih rendah iaitu 198,280,000 kg⁴. Keadaan ini menyierlahkan ketidaksamaan yang besar dari segi akses pasaran, pemprosesan selepas tuaian (*post harvest*), dan pengagihan nilai (*value distribution*)— yang merupakan isu kritikal bagi sebuah negara yang menjadikan ikan sebagai sumber protein utama.

Malaysia juga merupakan antara negara dengan kadar pengambilan ikan per kapita yang tinggi, iaitu 58.5kg setahun, antara yang tertinggi di Asia. Ketidaksamaan ini bukan sekadar isu ekonomi, malah merupakan ancaman langsung terhadap sumber nutrisi negara serta kedaulatan makanan jangka panjang⁵.

² Jabatan Perikanan Malaysia. *Perangkaan Perikanan Malaysia 2022*. Putrajaya: Jabatan Perikanan Malaysia, 2023. <https://www.dof.gov.my/en/statistik-perikanan>.

³ Jabatan Perikanan Malaysia. *Perangkaan Perikanan Malaysia 2022*.

⁴ Teh, L. C. L., dan U. R. Sumaila. "Sumbangan Perikanan Marin kepada Keterjaminan Makanan dan Ekonomi di Malaysia." *Dasar Marin* 40 (2013): 117. <https://doi.org/10.1016/j.marpol.2013.01.013>; WorldFish. *Perikanan Berskala Kecil di Malaysia: Sumbangan kepada Mata Pencarian dan Keterjaminan Makanan*. Pulau Pinang: WorldFish, 2021.

⁵ Pertubuhan Makanan dan Pertanian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (FAO). "Malaysia: Profil Negara Perikanan dan Akuakultur." Dalam *Profil*

Penemuan daripada perbincangan kumpulan fokus (FGD) yang dianjurkan oleh APPGM-SDG antara tahun 2022-2025 mendedahkan bahawa walaupun terdapat perlindungan yang diperuntukkan di bawah Akta Perikanan 1985, nelayan berskala kecil terus berhadapan dengan tekanan akibat pencerobohan haram dan amalan penangkapan ikan yang merosakkan. Di Mersing (P.154), semasa FGD pada bulan Ogos 2023 dijalankan, tangkapan tempatan dilaporkan merosot sebanyak 50% akibat pencerobohan kapal asing dari negara seperti Vietnam, Indonesia dan Myanmar ke perairan Malaysia. Begitu juga di Semporna (P.189) semasa FGD pada bulan September 2025 dijalankan, para nelayan melaporkan pengecilan kawasan perikanan pantai apabila mereka terpaksa memberi ruang kepada aktiviti pelancongan seperti pusat peranginan dan inap desa, di samping ancaman berterusan aktiviti penangkapan ikan IUU menggunakan pukut tunda yang merosakkan. Keadaan ini diburukkan lagi dengan penggunaan kaedah berimpak tinggi seperti "pengeboman ikan" oleh nelayan asing, yang dikenal pasti sebagai kebimbangan utama yang dibangkitkan semasa FGD pada bulan September 2025 di Labuan dijalankan (P.166). Kekurangan tenaga penguat kuasa dan rondaan yang mencukupi oleh Jabatan Perikanan (DOFM) menyebabkan komuniti ini sering berada dalam keadaan terdedah di kawasan pesisir pantai yang luas. Ramai nelayan turut melaporkan bahawa aduan rasmi berkaitan pelanggaran Zon A tidak diberikan tindakan segera atau

Negara Perikanan & Akuakultur FAO. Rom: FAO, 2023.
<https://www.fao.org/fishery/en/countrysector/cp/en/MYS>.

berdepan kelewatan birokrasi, sekali gus membolehkan aktiviti perikanan haram terus beroperasi tanpa kawalan.

Sektor ini turut dibatasi oleh rangka kerja pentadbiran yang tegar serta kurang responsif terhadap realiti kehidupan nelayan pantai. Isu pelesenan kekal sebagai antara halangan utama; semasa FGD pada bulan September 2025 di Labuan dijalankan (P.166), nelayan melaporkan kesukaran mendapatkan lesen bot dan kekurangan sokongan daripada pihak Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM). Keadaan ini menjejaskan akses kepada subsidi bahan api, satu isu yang turut dibangkitkan di Kudat (P.167) semasa FGD pada bulan Mac 2023 dijalankan, apabila para nelayan menyatakan bahawa subsidi diesel sukar diakses di peringkat tempatan disebabkan faktor jarak ke pusat pengedaran. Masalah ini mewujudkan kitaran kebergantungan yang berterusan, khususnya di Kota Belud (P.169), di mana FGD pada bulan Mac 2021 mendapati bahawa para nelayan amat bergantung kepada bantuan kerajaan bagi mendapatkan bot dan peralatan, namun sering menerima peralatan yang kurang berkualiti. Kegagalan sistemik ini menghalang nelayan daripada memanfaatkan teknologi moden, memaksa mereka terus bergantung kepada kaedah tradisional yang mengekang produktiviti dan keselamatan, seterusnya memburukkan kemiskinan serta melemahkan daya tahan kehidupan nelayan.

Kemerosotan alam sekitar turut dipengaruhi oleh penyelarasan institusi yang berasingan serta pelaksanaan program yang kurang sensitif terhadap realiti kehidupan komuniti nelayan pesisir pantai. Kementerian Pertanian dan

Keterjaminan Makanan dipertanggungjawabkan untuk mengawal selia aspek keselamatan makanan, namun usaha menangani kemusnahan habitat — seperti perlombongan pasir dan pencemaran air industri — terletak di bawah bidang kuasa Jabatan Alam Sekitar (JAS) di bawah Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam Sekitar (NRES). Jurang bidang kuasa ini mewujudkan kelemahan penyelarasan yang membolehkan aktiviti seperti perlombongan pasir memberi kesan terhadap ekosistem marin dan pesisir pantai.

Di Lumut (P.074), berdasarkan kepada FGD yang dijalankan di bulan Mac 2025, aktiviti perlombongan pasir dilaporkan memberi kesan terhadap kawasan sarang penyu dan sumber perikanan di Mukim Segari. Di Kuala Langat (P.112), semasa FGD dijalankan pada bulan Ogos 2023, masyarakat Orang Asli di sekitar Pulau Carey menyuarakan kebimbangan terhadap aktiviti perlombongan pasir dan perkapalan maritim, serta berpandangan bahawa pembangunan Pelabuhan Pulau Carey yang baharu berpotensi mempercepat kemusnahan habitat paya bakau. Di Kota Belud (P.169), semasa FGD dijalankan pada bulan Mac 2021, banjir lumpur dilaporkan menyebabkan pemendapan keladak di muara sungai sehingga menjejaskan akses bot, manakala aktiviti akuakultur udang di Lumut turut dikaitkan dengan kemerosotan kualiti kawasan paya bakau yang berperanan penting sebagai habitat dan kawasan pembiakan ikan. Situasi ini turut diburukkan oleh kesan perubahan iklim, di mana nelayan di Sandakan (P.186) melaporkan semasa FGD dijalankan pada bulan Februari 2023 bahawa keadaan cuaca yang tidak menentu telah

menjejaskan pendapatan mereka, ditambah dengan ketiadaan sumber mata pencarian alternatif. Cabaran yang sama turut disuarakan oleh komuniti di Labuan (P.166) semasa FGD dijalankan pada bulan September 2025, apabila hakisan pantai dilaporkan menyebabkan keruntuhan struktur yang membahayakan keselamatan serta menjejaskan kesejahteraan masyarakat pesisir pantai.

Rang Undang-Undang Perikanan (Pindaan) 2025 yang diluluskan baru-baru ini telah menambah baik peruntukan perundangan bagi menangani kegagalan sistemik tersebut, selaras dengan aspirasi RMK-13. Dengan peluasan kuasa penguatkuasaan di bawah Seksyen 46, 53, dan 56a, pihak berkuasa kini mempunyai kapasiti yang lebih baik untuk menghentikan, menaiki dan memeriksa kapal, termasuk di kawasan laut lepas. Pendekatan ini dijangka berfungsi sebagai langkah pencegahan terhadap pengendali bot haram, isu yang dikenal pasti di Mersing dan Labuan. Secara keseluruhannya, pindaan ini memperkukuh tadbir urus sektor perikanan negara bagi memastikan kemampuan sumber, selaras dengan prinsip pendekatan ekosistem terhadap pengurusan perikanan (*ecosystem approach to fisheries management - EAFM*), seperti yang disyorkan oleh badan antarabangsa seperti Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO).

Justifikasi Pelan Tindakan Kebangsaan untuk Perikanan Berskala Kecil (NPOA-SSF)

Penemuan daripada sesi-sesi FGD ini memberikan justifikasi yang kukuh bagi pembangunan segera Pelan Tindakan Kebangsaan untuk Perikanan Skala Kecil (NPOA-SSF). Pada

masa ini, pengurusan perikanan skala kecil di Malaysia masih kurang memberi perhatian terhadap realiti sosioekonomi komuniti perkampungan nelayan setempat. NPOA-SSF berpotensi berfungsi sebagai instrumen dasar khusus untuk mengoperasikan Garis Panduan Sukarela FAO, sekali gus memastikan sektor perikanan skala kecil tidak hanya dilihat sebagai subset kepada perikanan industri, tetapi sebagai tonggak penting pembangunan negara.

Pertama, NPOA-SSF menyediakan rangka kerja yang diperlukan bagi Menjaga Hak Pegangan dan Akses Sumber (*Securing Tenure Rights and Resource Access*). Seperti yang diperhatikan di Semporna (P.189) dan Kuala Langat (P.112), nelayan pantai semakin kehilangan kawasan tradisional akibat perkembangan pesat aktiviti perindustrian dan pelancongan. Pelan tindakan yang khusus dapat mengiktiraf dan melindungi tapak pendaratan tradisional serta kawasan penangkapan ikan ini secara sah, sekali gus mengelakkan perpindahan komuniti. Kedua, NPOA-SSF dapat memudahkan cara Pembangunan Sosial dan Pekerjaan yang Layak (*Social Development and Decent Work*) melalui usaha menangani jurang infrastruktur yang dikenal pasti di Kapar (P.109) dan Kudat (P.167). Selain pendekatan penambahbaikan secara *ad-hoc*, NPOA-SSF berpotensi menetapkan standard kebangsaan bagi kemudahan perikanan, termasuk rantai sejuk beku dan peralatan keselamatan yang pada masa ini masih tidak mencukupi.

Ketiga, NPOA-SSF juga penting dalam memperkukuh Ketahanan Iklim dan Pengurusan Risiko Bencana (*Climate Resilience and Disaster Risk Management*). Bagi nelayan di

Sandakan (P.186) dan Labuan (P.166) yang berhadapan dengan ketidakstabilan pendapatan akibat perubahan iklim, pelan nasional ini berpotensi menginstitusikan sistem “insurans berasaskan indeks cuaca” (*weather-indexed insurance*) serta latihan mata pencarian alternatif, yang dapat mengurangkan kebergantungan sepenuhnya para nelayan kepada subsidi kerajaan. Akhir sekali, NPOA-SFF turut berpotensi menyediakan platform bagi memperkukuh kesaksamaan gender (*gender equality*) melalui usaha menangani keperluan khusus wanita dalam sektor perikanan. Seperti yang dilaporkan di Kota Belud (P.169), penurunan hasil tangkapan berhampiran kawasan pantai telah memaksa komuniti nelayan memasuki perairan yang lebih berisiko. Dengan menyepadukan cabaran pelbagai dimensi ini ke dalam satu strategi yang komprehensif, NPOA-SFF dapat memastikan bahawa pindaan perundangan di bawah Rang Undang-Undang Perikanan (Pindaan) 2025 diterjemahkan kepada peningkatan kualiti hidup lebih 140,000 keluarga nelayan pesisir pantai Malaysia.

EKOSISTEM MARIN TERANCAM: IMPLIKASI TERHADAP KETERJAMINAN MAKANAN MASA DEPAN

Matlamat Malaysia ke arah keterjaminan makanan negara pada masa hadapan bergantung kepada tahap kesihatan ekosistem pantai dan marin. Keadaan ini dipengaruhi oleh keseimbangan antara aspek penguatkuasaan perikanan, pengurusan ekosistem dan keutamaan sosioekonomi.

Jurang antara aspek pengawasan dan penguatkuasaan telah menyumbang kepada aktiviti penangkapan ikan secara haram, tidak dilaporkan dan tidak dikawal (IUU), yang

mengakibatkan penyusutan stok ikan pada kadar yang lebih cepat daripada proses penjanaan semula jadi. Keadaan ini menyebabkan sebahagian komuniti setempat terpaksa berpindah, di samping menjejaskan sumber makanan dan mata pencarian utama mereka. Pada masa yang sama, tadbir urus terhadap ekosistem penting seperti paya bakau, padang rumput laut dan terumbu karang masih belum mengambil kira hubungan yang saling berkait antara kesihatan ekosistem dan kelangsungan industri perikanan. Negara memerlukan rangka kerja yang lebih proaktif, di mana perlindungan terhadap mata pencarian komuniti pesisir pantai dan ekosistem perlu dilihat sebagai usaha yang saling melengkapi dalam menjamin kelestarian stok ikan.

Seksyen ini meneliti status semasa ekosistem paya bakau, padang rumput laut dan terumbu karang, yang bukan sahaja merupakan aset alam sekitar tetapi juga komponen penting kepada keterjaminan makanan negara. Seksyen ini turut menilai bagaimana kemerosotan ekosistem penting ini mengganggu rantai bekalan makanan, mewujudkan tekanan sosioekonomi yang akhirnya boleh menyumbang kepada peningkatan aktiviti penangkapan ikan IUU. Oleh itu, pemuliharaan ekosistem ini perlu dilihat sebagai prasyarat ke arah pengurusan perikanan yang mampan dan pengukuhan keterjaminan makanan negara.

Paya Bakau – Penjaga Pesisiran Pantai

Bakau ialah tumbuhan yang hidup subur di zon intertidal dan membentuk hutan tebal di sepanjang garis pantai di kawasan tropika dan subtropika. Ekosistem unik ini berfungsi sebagai zon penampungan (*buffer*) antara daratan dan laut. Ia

memainkan peranan penting dalam perlindungan alam sekitar, pemeliharaan biodiversiti serta menjadi sumber mata pencarian kepada jutaan penduduk di seluruh dunia. Ditemui di kawasan pantai, muara dan delta, hutan paya bakau terdedah kepada perubahan pasang surut dan keadaan air masin (*salinity*), serta berfungsi sebagai tapak semaian penting bagi pelbagai spesies marin, termasuk ikan dan krustasea, yang bergantung kepada sistem akar yang kompleks sebagai habitat perlindungan dan sumber makanan. Akar bakau berfungsi menstabilkan mendapan, mengurangkan hakisan pantai, serta melindungi garis pantai daripada gelombang ribut dan kenaikan paras laut. Selain itu, bakau turut menapis bahan pencemar daripada aliran permukaan (*runoff*) dan membekalkan nutrien penting kepada persekitaran marin berdekatan, sekali gus menyokong kelestarian ekosistem pantai dan marin.



Rajah 1. Taburan hutan bakau di Malaysia, 2023 (FRIM, 2024⁶)

⁶ Omar, Hamdan, ed. *Status Bakau di Malaysia*. Penerbitan Khas FRIM Bil 60. Kepong, Selangor: Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia, 2024.

Rajah 1 di atas memperincikan taburan 586,548 hektar litupan paya bakau di seluruh Malaysia bagi tahun 2023. Ekosistem ini merupakan infrastruktur biologi kritikal yang berfungsi sebagai kawasan pembiakan dan tapak semaian utama bagi kebanyakan spesies yang menjadi sasaran sektor perikanan skala kecil (SSF). Data tersebut menunjukkan tumpuan geografi yang ketara, dengan Sabah mencatatkan majoriti litupan bakau sebanyak 58.6% (343,470 ha), diikuti Sarawak sebanyak 21.7% (127,416 ha) dan Semenanjung Malaysia sebanyak 19.7% (115,317 ha). Bagi komuniti nelayan tempatan, ekosistem bakau ini merupakan talian hayat ekonomi yang penting. Habitat ini menyediakan persekitaran yang kaya dengan nutrien bagi ketam nipah, udang dan pelbagai spesies anak ikan untuk membesar sebelum berhijrah ke kawasan perairan pantai dan laut. Oleh sebab nelayan skala kecil lazimnya bergantung kepada peralatan berteknologi rendah dan beroperasi berhampiran kawasan pesisir pantai, kesihatan dan kepadatan ekosistem bakau ini — khususnya di Malaysia Timur — mempunyai hubungan langsung dengan keterjaminan makanan dan sumber mata pencarian ribuan nelayan pantai yang bergantung kepada sistem dataran lumpur ini bagi aktiviti tangkapan harian mereka.

Penyerapan Karbon

Salah satu fungsi ekologi paya bakau yang paling penting adalah peranannya dalam penyerapan karbon. Ekosistem ini menyimpan "karbon biru" pada kadar yang jauh lebih tinggi

Dicapai pada 21 November 2025. https://www.researchgate.net/publication/384253090_Status_of_Mangroves_in_Malaysia_2024

berbanding hutan daratan, disebabkan oleh keadaan tanah anaerobik yang unik yang memperlambatkan proses penguraian bahan organik. Kapasiti penyimpanan karbon ini menyediakan perkhidmatan ekosistem global yang penting, di samping menyokong nelayan skala kecil yang bergantung kepada habitat sihat ini untuk keterjaminan makanan dan sumber mata pencarian mereka.

Walaupun hutan tropika dan hutan hujan pantai lazimnya menyerap antara 10 hingga 22 metrik tan karbon sehektar setiap tahun, hutan bakau matang berupaya menyimpan stok karbon sehingga kira-kira 840 metrik tan sehektar sepanjang kitaran pertumbuhannya⁷. Kapasiti penyimpanan yang tinggi ini menjadikan hutan paya bakau sebagai alat penting dalam mitigasi perubahan iklim serta benteng perlindungan bagi komuniti pesisir pantai. Dengan melindungi dan memulihkan ekosistem bakau, usaha ini bukan sahaja membantu mengurangkan kesan pelepasan gas rumah hijau global, malah turut melindungi biodiversiti dan tapak semaian penting yang menyokong kemampuan jangka panjang sektor perikanan skala kecil.

Faedah Sosioekonomi dan Ketahanan Pantai

Paya bakau mempunyai nilai yang sangat besar kepada masyarakat tempatan, khususnya komuniti yang bergantung kepada sektor perikanan dan pelancongan. Ekosistem ini menyediakan sumber penting seperti kayu, kayu api dan hasil hutan bukan kayu, sekali gus menyokong mata

⁷ Projek Penghutan Semula Eden. 2024. "Penyerapan Karbon Hutan Bakau." Diakses pada 8 Januari 2026. <https://edenprojects.org/science-and-restoration/>

pencarian serta pelbagai aktiviti ekonomi setempat. Potensi pelancongan ekosistem bakau juga adalah tinggi, seperti yang dapat dilihat di Kilim Geoforest Park di Langkawi dan Hutan Bakau Kuantan, yang menjadi lokasi aktiviti ekopelancongan seperti berkayak, pemerhatian burung dan fotografi alam semula jadi⁸.

Di banyak kawasan, hutan paya bakau berfungsi sebagai benteng perlindungan penting kepada komuniti pesisir pantai dengan mengurangkan kesan banjir dan kerosakan akibat ribut. Kajian menunjukkan bahawa paya bakau berupaya mengurangkan ketinggian ombak antara 13% hingga 66% merentasi kawasan hutan sepanjang 100⁹. Selain itu, jalur bakau yang lebih luas turut bertindak sebagai zon penampungan yang menyerap dan mengurangkan tenaga gelombang serta lonjakan ribut sebelum sampai ke kawasan penempatan, sekali gus mengurangkan risiko hakisan¹⁰.

Keberkesanan perlindungan ini dapat dilihat di kawasan seperti Matang, Perak, di mana hutan paya bakau terurus yang luas didapati mampu melindungi perkampungan pesisir dan infrastruktur perikanan daripada gelombang

⁸ Abdul Hamid Bin Abd Shukor, "Penggunaan Bakau di Malaysia," *SEAFDEC/AQD Institutional Repository*, 2004.

⁹ Mark Spalding et al., *Bakau untuk Pertahanan Pantai: Garis Panduan untuk Dasar dan Membuat Keputusan* (Arlington, VA: The Nature Conservancy; Wageningen, Belanda: Wetlands International, 2014), 11-15, <https://www.nature.org/media/oceansandcoasts/mangroves-for-coastal-defence.pdf>.

¹⁰ Siddharth Narayan et al., "Nilai Tanah Lembap Pantai untuk Pengurangan Kerosakan Banjir di Amerika Syarikat Timur Laut," *Nature Communications* 7 (2016): 11827, <https://www.nature.com/articles/ncomms11827>.


ribut yang kuat¹¹. Begitu juga semasa peristiwa Tsunami Lautan Hindi pada tahun 2004, kawasan bakau yang sihat di Kuala Muda, Kedah berjaya mengurangkan tenaga ombak, sekali gus mengurangkan kerosakan terhadap bot nelayan dan kediaman di kawasan pantai berbanding kawasan berhampiran yang telah ditebang atau dibersihkan¹². Dengan meningkatkan daya tahan ekosistem pesisir dan mengurangkan hakisan, usaha pemuliharaan hutan bakau dapat menyokong pembangunan mampan serta memastikan kelangsungan jangka panjang tapak pendaratan ikan dan habitat pesisir yang menjadi asas mata pencarian nelayan skala kecil.

Rajah 3 dan 4 menunjukkan kawasan yang mengalami kemerosotan liputan paya bakau di beberapa lokasi di Sabah dan Sarawak, khususnya di kawasan pesisir yang menyokong komuniti nelayan. Penurunan liputan bakau ini memberi kesan langsung terhadap produktiviti perikanan tempatan¹³.


¹¹Kamaruzaman Jusoff, "Hutan Bakau Malaysia dan Kepentingannya kepada Persekitaran Marin Pantai," *Polish Journal of Environmental Studies* 22, no. 4 (2013): 979–805.

¹² Farid Dahdouh-Guebas et al., "Seberapa berkesanakah bakau sebagai pertahanan terhadap tsunami baru-baru ini?" *Biologi Semasa* 15, no. 12 (2005): R443-R447.

¹³ Omar, Hamdan, ed. *Status Bakau di Malaysia*. Penerbitan Khas FRIM, no. 60. Kepong, Selangor: Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), 2024. https://mycoast.nahrim.gov.my/admin/images/modules/publication/Document_20240924112833.pdf.



Rajah 3. Pengesanan perubahan kawasan bakau di antara 2017 hingga 2023, Sandakan, Sabah.



Rajah 4. Pengesanan perubahan kawasan bakau di antara 2017 hingga 2023, Sarikei, Sarawak.

Ancaman kepada Paya Bakau

Walaupun ekosistem paya bakau mempunyai pelbagai kepentingan dari sudut ekologi dan sosioekonomi, habitat ini terus berhadapan dengan pelbagai ancaman. Pembangunan pesisir pantai, termasuk pembangunan yang tidak terkawal, aktiviti pertanian dan akuakultur, telah menyebabkan kehilangan habitat secara meluas. Penebangan hutan serta penukaran kawasan bakau untuk tujuan aktiviti ternakan udang amat merupakan antara faktor yang paling memudaratkan, sekali gus mengakibatkan kemerosotan ketara terhadap litupan bakau sejak beberapa tahun kebelakangan ini (lihat Jadual 1 dan 2).

Jadual 1. Pecahan kawasan bakau di Malaysia bagi tempoh 1990-2017 (FRIM, 2020, 2023)

WILAYAH	BAKAU 1990 (HA)	BAKAU 2000 (HA)	BAKAU 2017 HA)	BAKAU 2023 (HA)
Semenanjung Malaysia	116,746	114,353	110,953	115,317
Sabah	385,630	382,448	378,195	343,470
Sarawak	147,936	145,263	139,890	127,416
Jumlah	650,311	642,063	629,038	586,548

Pencemaran daripada aliran permukaan akibat aktiviti pertanian, sisa plastik dan aktiviti perindustrian terus mengancam kesihatan ekosistem bakau. Fenomena perubahan iklim turut memburukkan keadaan ini melalui kenaikan paras laut, peningkatan tahap kemasinan air serta perubahan pola kerpasan (*precipitation patterns*). Akibatnya, banyak spesies bakau berhadapan dengan cabaran untuk menyesuaikan diri, sekali gus meletakkan ekosistem penting ini pada risiko kemerosotan dan kemusnahan.

Jadual 2. Tahap kehilangan bakau di Malaysia (FRIM, 2020)

WILAYAH	KEHILANGAN BAKAU 1990 – 2000 (HA)	KEHILANGAN BAKAU 2000 – 2017 (HA)	KADAR PERUBAHAN 1990 – 2000 (% PERUBAHAN /TAHUN)	KADAR PERUBAHAN 2000 – 2017 (% PERUBAHAN /TAHUN)	KADAR PURATA PERUBAHAN 1990 – 2017 (% PERUBAHAN /TAHUN)
Semenanjung Malaysia	2,393	3,400	0.20	0.17	0.19
Sabah	3,182	4,253	0.08	0.07	0.07
Sarawak	2,673	5,373	0.18	0.22	0.21
Jumlah	8,227	13,190	0.13	0.12	0.13

Secara khusus, Jadual 2 menunjukkan tren penurunan litupan habitat paya bakau di seluruh Malaysia yang secara langsung menjejaskan produktiviti perikanan skala kecil. Antara tahun 1990 dan 2017, purata kehilangan litupan bakau direkodkan pada kadar 0.13% setahun, dengan penyusutan paling ketara berlaku di Sarawak pada kadar 0.21% setahun. Tren tempatan ini sejajar dengan data serantau yang menunjukkan bahawa hutan paya bakau di Asia Tenggara mengalami kehilangan pada kadar purata 0.18% setahun antara tahun 2000 dan 2012¹⁴.

Walaupun kadar penurunan ini kelihatan kecil dari segi peratusan, kesan fizikalnya adalah besar. Antara tahun 2017 hingga 2023 sahaja, Sabah kehilangan 34,725 hektar litupan bakau (lihat Jadual 1). Bagi para nelayan skala kecil di Malaysia Timur, kehilangan ini mewakili kemerosotan kawasan pembiakan penting bagi ketam nipah dan udang, iaitu spesies yang menyumbang sebahagian besar pendapatan harian isi rumah mereka. Memandangkan jumlah keluasan bakau telah menurun daripada 650,311ha pada tahun 1990 kepada 586,548ha pada tahun 2023, kehilangan terkumpul sebanyak 63,763ha telah mengurangkan kawasan tapak semaian semula jadi ikan dan spesies marin¹⁵ yang berpotensi menyumbang kepada jutaan ringgit kepada hasil perikanan tahunan¹⁶. Keadaan ini

¹⁴Daniel R. Richards dan Daniel A. Friess, "Kadar dan Pemacu Penebangan Hutan Bakau di Asia Tenggara, 2000–2012," *Prosiding Akademi Sains Kebangsaan* 113, no. 2 (2016): 344. ²V. C. Chong, "Hubungan Bakau-Ikan—perspektif Malaysia," *Buletin Sains Marin* 80, no. 3 (2007): 755–772.

¹⁵ Omar, Hamdan, dan M. A. Misman. "Status Bakau di Malaysia." *ResearchGate*, 2020

¹⁶ Peta Bakau Malaysia 2023

turut meningkatkan kerentanan komuniti nelayan terhadap ketidakstabilan ekonomi.

Rumput Laut – Padang Rumput Laut

Rumput laut merujuk kepada sekumpulan tumbuhan berbunga yang tumbuh subur di perairan pantai cetek dan membentuk padang rumput laut yang luas di kawasan beriklim sederhana dan tropika. Ekosistem yang sangat produktif ini memainkan peranan penting dalam kesihatan ekosistem, biodiversiti marin dan kesejahteraan sosioekonomi masyarakat. Tidak seperti alga, rumput laut mempunyai akar, batang dan daun serta memerlukan cahaya matahari untuk proses fotosintesis. Tumbuhan ini turut menyumbang kepada penyerapan karbon dan penghasilan oksigen. Padang rumput laut berfungsi sebagai habitat penting bagi pelbagai spesies marin, termasuk ikan, penyu laut dan invertebrata, manakala sistem akarnya membantu menstabilkan mendapan, mengurangkan hakisan serta meningkatkan kejernihan air melalui pemerangkapan zarah. Selain itu, rumput laut turut menyumbang bahan organik dalam proses siratan makanan, sekali gus menyokong hidupan marin herbivor dan karnivor serta meningkatkan kesihatan keseluruhan ekosistem marin.

Malaysia mempunyai 18 spesies rumput laut daripada tiga famili yang meliputi kira-kira 16.8 kilometer persegi kawasan pantai, dengan konsentrasi spesies yang tinggi di Sabah, Sarawak serta kawasan selatan dan timur Semenanjung

Malaysia¹⁷. Dua kawasan padang rumput laut yang terkenal terletak di Sungai Pulai dan Pulau Merambong di Johor, di mana muara Sungai Pulai menempatkan kawasan rumput laut terbesar di negara ini. Padang rumput ini berfungsi sebagai habitat kritikal bagi megafauna terancam seperti dugong dan kuda laut, namun kepentingan pemuliharaannya turut berkait rapat dengan kelangsungan sektor perikanan skala kecil di Malaysia. Di kawasan selatan Johor sahaja, terdapat lebih 5,000 nelayan pantai berdaftar yang bergantung kepada perairan terlindung di kawasan padang rumput laut Sungai Pulai bagi proses rekrutmen spesies komersial bernilai tinggi seperti ikan gerut-gerut (*spotted gunter*) dan pelbagai jenis udang¹⁸.


Pemetaan saintifik kawasan padang rumput laut ini (Rajah 4) mengesahkan bahawa habitat tersebut bertindak sebagai "jaringan keselamatan" bagi komuniti pesisir pantai, khususnya di kawasan yang mengalami kemerosotan atau kehilangan ekosistem paya bakau. Memandangkan habitat-habitat ini saling berkait dari sudut biologi — di mana paya bakau memerangkap mendapan dan mengeksport nutrien yang menyokong pertumbuhan rumput laut — kesihatan 586,548 hektar hutan bakau mempunyai hubungan langsung dengan produktiviti kawasan penangkapan ikan dan habitat rumput laut berhampiran¹⁹. Bagi nelayan pesisir pantai di

¹⁷ Projek Pemuliharaan Dugong & Rumput Laut, "Where We Work: Malaysia," diakses pada 10 Jun 2024, <https://www.dugongseagrass.org/where-we-work/malaysia/>.

¹⁸ Jabatan Perikanan Malaysia (DOF), *Perangkaan Perikanan Tahunan 2023* (Putrajaya: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, 2024).

¹⁹ V. C. Chong, "Hubungan Bakau-Perikanan—Perspektif Malaysia," *Buletin Sains Marin* 80, no. 3 (2007): 755–772.

kawasan Sungai Pulai dan Pulau Merambong, pemuliharaan 18 spesies rumput laut ini merupakan isu kelangsungan sosioekonomi. Sebarang kehilangan habitat secara meluas akibat aktiviti penambakan pantai atau pencemaran air industri berpotensi menyebabkan kehilangan habitat utama spesies marin serta menjejaskan kelangsungan hidup tradisional nelayan skala kecil²⁰.



Rajah 4. Kawasan utama padang rumput laut, habitat berkaitan, serta penggunaannya oleh komuniti pesisir pantai dan pihak berkepentingan lain di Semenanjung Malaysia (A), Sabah (B) dan Sarawak (C).

Sumber: Bujang et al., 2006

Penyerapan Karbon

Padang rumput laut memainkan peranan penting dalam penyerapan karbon, sekali gus menjadikannya komponen kritikal dalam usaha menangani perubahan iklim. Ekosistem

²⁰ Hamdan Omar, ed., *Status Bakau di Malaysia*, Penerbitan Khas FRIM, no. 60 (Kepong, Selangor: Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia, 2024), https://mycoast.nahrim.gov.my/admin/images/modules/publicationDocument_20240924112833.pdf.

ini menyerap karbon dioksida melalui proses fotosintesis dan menyimpannya dalam biojisim serta mendapan di bawahnya. Kajian menunjukkan bahawa padang rumput laut berupaya menyerap sehingga 1,000 tan karbon sehektar, melebihi kapasiti penyimpanan kebanyakan ekosistem daratan²¹.

Kajian terkini mengenai padang rumput laut di Johor dan Pulau Pinang turut menunjukkan bahawa ekosistem ini mampu menyimpan sehingga 121.95 tan karbon sehektar, yang bersamaan dengan kapasiti penyerapan karbon oleh 121.95 pokok matang, dengan setiap pokok menyerap kira-kira satu tan karbon. Selain itu, setiap tahun, padang rumput laut di kawasan tersebut berupaya boleh menyimpan antara 5.85 hingga 6.80 juta tan karbon, bersamaan dengan pengurangan pelepasan karbon daripada lebih 1.5 juta kenderaan dalam tempoh setahun²².

Oleh itu, usaha melindungi dan memulihkan ekosistem rumput laut amat penting bukan sahaja untuk memelihara biodiversiti marin dan keterjaminan makanan, tetapi juga bagi menyokong kestabilan iklim global.

²¹ James W. Fourqurean, Carlos M. Duarte, Hilary Kennedy, et al., "Ekosistem Rumput Laut sebagai Stok Karbon Penting Global," *Geosains Alam* 5, no. 7 (2012): 505–509, <https://doi.org/10.1038/ngeo1477>.

²² Universiti Edith Cowan, *Peluang Karbon Biru: Kadar Penyimpanan dan Pengumpulan Karbon Rumput Laut di Johor dan Pulau Pinang*, Malaysia (2020), <https://core.ac.uk/download/593040831.pdf>.

Faedah Sosioekonomi

Padang rumput laut merupakan pemacu ekonomi penting bagi komuniti pesisir pantai Malaysia, khususnya bagi mereka yang terlibat dalam sektor perikanan skala kecil (SSF) dan ekopelancongan. Habitat ini berfungsi sebagai tapak semaian penting bagi spesies ikan komersial bernilai tinggi seperti ikan kakap (*snapper*) dan kerapu, yang menjadi hasil tangkapan utama nelayan tradisional²³. Selain sektor perikanan, kawasan yang mempunyai biodiversiti tinggi seperti di Langkawi dan kepulauan Johor turut menyokong aktiviti rekreasi — seperti snorkeling, menyelam dan berkayak — yang menjana sumber pendapatan bukan ekstraktif kepada komuniti setempat²⁴.

